



# **SAYEMBARA SAJAK MERDEKA 2021**

**Sempena Sambutan Hari Kebangsaan  
dan  
Hari Malaysia 2021**



## **Sayembara Sajak Merdeka 2021**

Sayembara Sajak Merdeka 2021 merupakan program yang diadakan sempena sambutan bulan kebangsaan bagi memupuk dan menyemarakkan lagi semangat cintakan negara serta perpaduan dalam kalangan masyarakat tidak mengira, bangsa, agama dan kepercayaan.

Program yang terbuka kepada pelajar institut pengajian tinggi ini diadakan bagi memberi peluang kepada para peserta untuk menzahirkan rasa kecintaan terhadap tanah air melalui aktiviti penulisan sajak.

### **Tarikh Pelaksanaan :**

1 Julai hingga 31 Ogos 2021

### **Kaedah Pelaksanaan :**

Secara Dalam Talian

### **Kumpulan Sasar :**

Pelajar Institut Pengajian Tinggi



## **Syarat dan Peraturan Pertandingan**

1. Peserta mestilah pelajar Institut Pengajian Tinggi termasuk Universiti Awam (UA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Warga Jabatan Penerangan Malaysia dan ahli keluarga tidak dibenarkan menyertai Sayembara Sajak Merdeka 2021.
3. Peserta hendaklah menulis sajak dalam Bahasa Melayu dan hendaklah merupakan hasil karya asli (bukan ciplak, saduran, adaptasi atau penyesuaian yang membawa pengertian bukan karya asli) dan belum pernah diterbitkan. Karya yang diciplak, plagiat atau terjemahan tidak diterima dan terbatal dengan sendirinya.
4. Karya yang dihasilkan hendaklah tidak menyentuh unsur sensitiviti mana-mana kaum, kepercayaan atau agama.



**SAYEMBARA  
SAJAK MERDEKA  
2021**

5. Peserta dikehendaki mengemukakan sajak berdasarkan format seperti yang berikut :

- a) Ditaip menggunakan perisian MS Office Word;
- b) *Layout* yang digunakan ialah potrait dengan margin 1 inci;
- c) Jenis aksara (font) yang digunakan ialah Arial;
- d) Saiz aksara yang digunakan ialah 12 pt;
- e) Langkauan baris (spacing) yang digunakan ialah 2.0; dan
- f) Sajak yang ditulis oleh peserta hendaklah tidak melebihi 200 patah perkataan;
- g) Nombor halaman hendaklah ditulis pada setiap halaman muka surat;
- h) Peserta dilarang menulis nama pada hasil karya yang dihantar. Nama peserta hanya boleh diisi pada borang penyertaan;
- i) Peserta perlu menulis tajuk pada karya yang dihantar.

6. Setiap peserta dibenarkan untuk menghantar sebuah karya sahaja. Apabila penyertaan telah dihantar, peserta tidak dibenarkan untuk membuat permohonan pindaan kepada maklumat atau karya.



7. Peserta hendaklah memuat naik karya penulisan sajak dalam format PDF di pautan Sayembara Sajak Merdeka 2021 yang terdapat di laman web [merdeka360.gov.my](http://merdeka360.gov.my).
8. Penyertaan yang dihantar melalui saluran selain pautan di atas tidak akan dilayan.
9. Karya akan dinilai berdasarkan elemen-elemen seperti yang berikut :
  - a) Kreativiti dan isi penulisan;
  - b) Penggunaan bahasa; dan
  - c) Susunan atau struktur sajak yang menarik.
10. Penganjur berhak membatalkan penyertaan peserta sekiranya terbukti dengan sah peserta mengemukakan maklumat yang tidak benar dalam borang penyertaan.
11. Peserta hendaklah sentiasa mematuhi peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang menyertai pertandingan ini.



12. Penyertaan yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
13. Kritikan terhadap isu-isu sensitif yang berunsur provokasi, politik atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama, bangsa dan fahaman mahupun keperibadian seseorang adalah dilarang sama sekali. Panel juri berhak menolak markah jika didapati perkara ini berlaku.
14. Penggunaan ayat yang mempunyai makna tersembunyi (double meaning) yang berunsur provokasi, politik, atau menyentuh sensitiviti sesuatu kaum, agama, bangsa dan fahaman mahupun keperibadian seseorang adalah dilarang sama sekali. Panel juri berhak menolak markah jika didapati perkara ini berlaku.
15. Peserta harus memastikan sajak yang ditulis dan disampaikan menghormati keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.
16. Semua peserta dikehendaki menulis sajak berdasarkan tema yang berkaitan dengan kemerdekaan.
17. Semua peserta wajib mematuhi peraturan dan arahan yang telah ditetapkan oleh sekretariat pertandingan.
18. Pihak sekretariat pertandingan tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan bahan penulisan yang telah dihantar.
19. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

## **Penafian**

1. Pihak Jabatan Penerangan Malaysia tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan plagiat atau melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga.
2. Dengan penyerahan hasil karya kepada Jabatan Penerangan Malaysia secara automatik, peserta mengakui dan membuat representasi bahawa setiap elemen dalam hasil karya tersebut tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga dan / atau apa-apa undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
3. Pihak Jabatan Penerangan Malaysia mempunyai kuasa mutlak dan berhak untuk meminda terma serta syarat pertandingan ini pada bila-bila masa sekiranya difikirkan patut dan perlu.
4. Pihak penganjur berhak membuat keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini demi memastikan kelancaran perjalanan pertandingan pada satu-satu masa.

## **Hadiah**

Johan	:	<b>RM 1,000.00</b>
Naib Johan	:	<b>RM 800.00</b>
Tempat Ketiga	:	<b>RM 500.00</b>
Anugerah Khas (Bukan Bumiputera)	:	<b>RM 300.00</b>